



# MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

## NOTIS SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa daripada syarikat yang masih sah berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan pengkhususan yang berkaitan serta yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi melaksanakan kerja-kerja seperti yang berikut:

NO SEBUT HARGA TAJUK FAIL RUJUKAN	KELAYAKAN KONTRAKTOR/ SYARIKAT	TARIKH/HARGA/TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH & MASA SEBUT HARGA DITUTUP
<p><u>NO SEBUT HARGA</u> S0127/24 <u>FAIL RUJUKAN</u> MBS.JKJ.400-5/7/473</p> <p><u>TAJUK</u> MENAIKTARAF BANGUNAN DAN KERJA- KERJA BERKAITAN DI GERAI PENDIDIKAN, JALAN DATO' HAMZAH, MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN</p> <p><b>Sebut Harga Yang Lewat Tidak akan Diterima.</b></p>	(BUMIPUTERA) GRED G2  Kategori B Pengkhususan B04	<p><u>DARI TARikh</u> 24 Apr 2024 (Rabu)</p> <p><u>HINGGA</u> 30 Apr 2024 (Selasa)</p> <p><u>HARGA DOKUMEN</u> RM 50.00</p> <p><u>TEMPAT</u> JABATAN KEWANGAN WISMA MBS, PERSIARAN FOREST HEIGHTS 1 JALAN SEREMBAN- TAMPIN 70450 SEREMBAN</p> <p><u>WAKTU URUSAN</u> Isnin - Khamis 08:30 pagi - 12:30 tengahari 02:00 petang- 04:00 petang Jumaat 08:00 pagi - 12:00 tengahari</p>	<p><u>TARIKH</u> 30 Apr 2024 (Selasa)</p> <p><u>MASA</u> 12:00 TENGAHARI</p>

2. Sekiranya penyebut harga tidak berdaftar dengan Majlis Bandaraya Seremban dikehendaki berdaftar terlebih dahulu dengan kadar yang ditetapkan. Pembayaran bagi pembelian dokumen hendaklah dibuat dalam bentuk Tunai dan bayaran ini tidak akan dikembalikan. Dokumen Sebut Harga hanya dijual kepada syarikat atau wakilnya yang sah sahaja yang menunjukkan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) Asal berserta satu salinan sijil tersebut dan Surat Wakil (bagi bukan pemegang asal sijil).
3. Kerajaan telah melancarkan SISTEM PADU yang mengandungi profil individu meliputi warganegara dan pemastautin tetap. Untuk menyokong usaha dan dasar Kerajaan, Pemilik Syarikat hendaklah melampirkan Salinan Perakuan SISTEM PADU sebagai bukti pendaftaran kepada Majlis Bandaraya Seremban dalam Dokumen Sebut Harga.
4. Semua dokumen Sebut Harga mestilah dikemukakan dalam sampul surat berlakri dan ditulis tajuk dan nombor Sebut Harga berkenaan di penjuru kiri dan dialamatkan kepada Datuk Bandar, WISMA MBS, PERSIARAN FOREST HEIGHTS 1, JALAN SEREMBAN-TAMPIN, 70450 SEREMBAN dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Wisma MBS.
5. Majlis Bandaraya Seremban tidak terikat untuk menerima dokumen Sebut Harga yang terendah atau sebarang dokumen Sebut Harga. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen Sebut Harga yang tidak terdapat di dalam Peti Sebut Harga setelah Peti Sebut Harga dibuka.
6. Majlis Bandaraya Seremban berhak untuk membatalkan Sebut Harga syarikat yang terlibat dalam membuat pakatan harta dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses Sebut Harga sehingga dokumen kontrak ditandatangani.
7. Tidak mempunyai sebarang tunggakan (Cukai Taksiran/ Kompaun/ Sewaan/ Semak Samun/ pelbagai tunggakan lain) dengan MBS. Sekiranya tunggakan ini dijelaskan sebelum atau dalam tempoh penjualan dokumen tender, kontraktor/pembekal layak untuk menyertai Sebut Harga ini.
8. Bukti penghantaran bukan bukti penerimaan.

>> NOTIS SEBUT HARGA JUGA BOLEH DILAYARI DI LAMAN WEB:

[www.mbs.gov.my](http://www.mbs.gov.my)